

PERANAN TENAGA PENGAJAR (TPOKU) DALAM PERSEDIAAN EMPLOYABILITI GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA

Zainal Rashid bin Kamaruddin
Unit Penjaminan Kualiti dan Penentuan Standard
Sektor Pengurusan Dasar dan Perkembangan
Lembaga Peperiksaan
(rashid.kamaruddin@moe.gov.my)

Norasmah bt. Othman, Ph.D
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM BANGI, Selangor
(lin@ukm.my)

Mohd Izham bin Hamzah, Ph.D
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM BANGI, Selangor
(izham@ukm.my)

1. PENGENALAN

Orang Kurang Upaya (OKU) adalah sebahagian daripada anggota masyarakat dan merupakan antara kumpulan sasaran dalam program pembangunan sosial negara. Dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan, kerajaan telah melaksanakan program mengintegrasikan OKU ke dalam masyarakat bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan yang normal. Dasar Sosial Negara (2003) pula menyatakan setiap individu berhak menikmati keperluan asas dan keperluan-keperluan lain melalui penyampaian perkhidmatan sosial yang merangkumi aspek kebajikan masyarakat, kesihatan, pendidikan, pekerjaan, perumahan, penghayatan nilai dan budaya, keselamatan dan persekitaran yang sihat.

Sehubungan itu, Kerajaan Malaysia terus melaksanakan pelbagai program pemulihan yang bersesuaian dengan golongan OKU. Penubuhan pusat pemulihan berasaskan komuniti terus diberi perhatian dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan. Ia dibangunkan sebagai pusat khidmat setempat bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih komprehensif kepada golongan OKU seperti pemeriksaan dan pengesanan ketidakupayaan, khidmat rujukan, penyebaran maklumat mengenai OKU, latihan vokasional, penempatan pekerjaan, pendaftaran OKU dan perkhidmatan sokongan (Rancangan Malaysia Ke Sembilan 2005).

Menurut Tan (2006), Malaysia telah menandatangani pelbagai deklarasi dan pengisytiharan berkaitan dengan golongan OKU bagi menunjukkan keprihatinan masyarakat Malaysia terhadap golongan OKU. Melalui semua deklarasi dan pengisytiharan tersebut, kesejahteraan hidup golongan OKU dipertingkatkan termasuklah kemudahan yang secukupnya dan memberi kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk memberi hak yang sama kepada

golongan istimewa (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2005; Norsham 2005). Golongan OKU digalakkan mengambil bahagian dan memberi sumbangan dalam kegiatan sosial serta ekonomi negara agar mereka tidak terpinggir dalam arus pembangunan masyarakat. Keprihatinan Kerajaan terhadap OKU bermula sejak tahun 1970an lagi melalui Deklarasi Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Hak Asasi Orang Terencat Akal 1971 dan Deklarasi Bangsa Bersatu tentang Hak Asasi OKU 1975. Malaysia juga telah menandatangani Proklamasi Penyertaan Penuh dan Penyamaan Peluang bagi OKU di Rantau Asia dan Pasifik, sempena Dekad Bangsa-Bangsa Bersatu bagi OKU di Rantau Asia dan Pasifik 1993-2002 (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2005). Selain itu, Malaysia juga berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Deklarasi Sedunia Tentang Pendidikan Untuk Semua 1990 dan Pernyataan Salamanca 1994 yang menyarankan pendidikan inklusif bagi kanak-kanak berkeperluan khas (Tan 2006).

Bagaimanapun, pengisytiharan tersebut masih belum mencukupi untuk membela nasib golongan OKU di Malaysia. Masih ramai lagi dalam kalangan mereka yang tidak mendapat peluang pekerjaan mahupun pendidikan yang sama seperti golongan normal yang lain (Norasmah et al. 2004). Menurut Faridah (2003), masih terdapat sikap memandang rendah terhadap OKU. Manakala dapatan tinjauan Tan (2006) menunjukkan ramai OKU tidak mempunyai pengalaman bekerja dan menganggur. Pendidikan vokasional yang amat sesuai untuk golongan OKU sebagai suatu 'perantara peralihan' antara masa persekolahan dan pekerjaan (Jamaluddin 2002). Pendidikan vokasional dapat membantu golongan OKU mengembangkan kemahiran, sikap dan tingkah laku yang diperlukan untuk mendapat pekerjaan yang produktif dalam kehidupan (Sands et al. 2000).

2. DEFINISI ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (2005), OKU didefinisikan sebagai seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuh atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan semasa dari segi fizikal atau mental dan sama ada ia berlaku semenjak lahir atau kemudian dari itu. OKU dikategorikan kepada enam iaitu:

1. Kurang upaya penglihatan - tidak boleh melihat langsung, penglihatan terhad tidak boleh melihat dengan terang atau jelas seperti orang biasa walaupun dengan menggunakan cermin mata atau *contact lens*.
2. Kurang upaya pendengaran - pekak termasuk pekak atau bisu.
3. Kurang upaya fizikal - kecacatan badan sama ada kehilangan atau tiada suatu anggota atau kurang upaya di mana-mana bahagian badannya. Kategori ini termasuklah mereka yang berpenyakit polio, kudung, lumpuh separuh atau sebelah badan dan spastik.
4. Cerebral palsy
5. Masalah pembelajaran - kecerdasan otak tidak selaras dengan usia seperti down syndrome dan lembam.
6. Lain-lain – Diagnosa perubatan di bawah kategori ini merangkumi semua masalah kurang upaya yang tidak dinyatakan di atas.

3. DEFINISI EMPLOYABILITI

Employability merujuk kepada kebolehpasaran seseorang berdasarkan pengetahuan dan kemahiran seseorang untuk sesuatu kerja. Menurut *Alabama Cooperative Extension System* (2000), employability merujuk kepada beberapa kemahiran yang diperlukan untuk mendapat, mengekal dan melakukan sesuatu kerja dengan sempurna. Manakala Tamkin et al. (1999) bermaksud kebolehan seseorang untuk menyesuaikan diri kepada perubahan sesebuah organisasi dan seterusnya mengekalkan keupayaan untuk bersaing dalam organisasi berkenaan.

Menurut *The Conference Board of Canada* (1996), kemahiran employability melibatkan tiga elemen kemahiran utama iaitu pertama: kemahiran akademik yang meliputi kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir secara kritikal, kemahiran menyelesaikan masalah dan juga kemahiran matematik. Kedua: kemahiran mengurus diri yang meliputi kemahiran seseorang bersikap positif, kemahiran bertanggungjawab dan kebolehan membuat penyesuaian, dan ketiga: kemahiran berpasukan yang meliputi kemahiran seseorang individu bekerja dengan orang lain dan kebolehan melibatkan diri dalam sesuatu projek atau tugas. Walaupun mustahil golongan OKU memiliki ketiga-tiga elemen kemahiran '*employability*' ini, sekurang-kurangnya mereka perlu diberi pendedahan dan pengajaran yang berkaitan dengan elemen-elemen berkenaan.

4. EMPLOYABILITI GOLONGAN OKU

Menurut statistik tahun 1999, dianggarkan satu peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia adalah OKU (Faridah 2003). Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (2005), OKU yang didaftarkan dari tahun 2003 ke 2005 mencatat bilangan antara 130 ribu hingga 170 ribu orang. Berdasarkan statistik itu juga, pendaftaran OKU berkecacatan anggota adalah yang paling tinggi. Dengan itu, adalah wajar masyarakat memikirkan cara yang efektif untuk menggunakan sumber tenaga mereka. Sudah pasti golongan OKU ini berupaya menyumbang tenaga kerja mereka dalam sektor-sektor pekerjaan tertentu. Dengan itu, negara tidak perlu terlalu bergantung kepada tenaga buruh asing seratus peratus. Sehingga September 2006, statistik menunjukkan bahawa terdapat 1,883,426 orang buruh asing yang telah berdaftar di Malaysia (Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi 2006) dan sebahagian daripada bidang pekerjaan berkenaan boleh dilaksanakan oleh OKU (Mahathir 2002; Abdul Rahman 2006).

Kementerian Sumber Manusia (2002) berpendapat beberapa halangan telah mengakibatkan ramai OKU tidak memiliki kerjaya. Persepsi masyarakat terhadap keupayaan bekerja OKU masih negatif dan menjadi penghalang kepada OKU mendapat pekerjaan. Majikan beranggapan bahawa OKU mempunyai tahap keupayaan perolehan kerjaya yang rendah. Majikan bukan sahaja beranggapan bahawa OKU mempunyai produktiviti, daya saing dan keuntungan yang rendah malahan memilih kategori OKU tertentu, misalnya memilih pekerja bermasalah pendengaran dan bermasalah fizikal sahaja untuk bekerja. (Faridah 2003). Secara umumnya, bilangan OKU yang memiliki kerjaya amat rendah. Haines (2006) dan Shamsuddin (2002) menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan peluang kerjaya OKU amat terhad dan rendah berbanding dengan orang normal adalah berpunca daripada tahap kelayakan, kemampuan dan kemahiran yang tidak mencukupi. Prejudis majikan terhadap kemampuan OKU juga merupakan indikator dalam menentukan OKU sebagai pekerja yang berkebolehan dan

Safani et al. (2000) berpendapat OKU mempunyai peluang untuk meningkatkan kemahiran kerjaya dan seterusnya hidup berdikari sekiranya mereka bersikap positif dalam menilai keupayaan dan kebolehan diri sendiri. Golongan OKU seharusnya diberi pendedahan tentang kemahiran kerjaya, dilatih mengikut tahap kefungsiannya mereka agar dapat membantu mereka membuat pilihan kerjaya yang bersesuaian dengan keupayaan dan potensi mereka, serta berupaya meningkatkan motivasi dan keyakinan sendiri. Fatimah (2001) dalam kajiannya mendapati masih terdapat majikan di sektor swasta bersikap positif terhadap OKU yang boleh bekerja dengan baik dan cermat walaupun perlahan berbanding dengan pekerja normal.

Kerajaan telah menubuhkan beberapa institusi kemahiran dan latihan untuk OKU bagi membantu memulih dan mempertingkatkan kualiti taraf hidup golongan OKU supaya mereka dapat hidup berdikari dengan memberi pemulihan dan latihan kemahiran yang sesuai. Institusi-institusi latihan ini bermatlamat memberi kemudahan dan perkhidmatan yang komprehensif kepada OKU, mengembalikan kemahiran mereka yang telah hilang akibat kemalangan, meningkatkan kemampuan OKU untuk berdikari dan mengambil langkah awal pemulihan bagi mengelak kecacatan yang lebih teruk (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2005). Oleh yang demikian, latihan vokasional amat sesuai untuk golongan OKU kerana latihan vokasional dilaksanakan berdasarkan ciri-ciri *Competency-Based Training*. Latihan vokasional adalah satu sistem yang dapat membantu pelajar mendapat kemahiran latihan dan seterusnya menggunakan latihan tersebut di alam kerjaya (Ahmad 1999).

Daut (2006), Ee et al. (2005) dan Morse (2001) mencadangkan pendidikan yang sesuai untuk pelajar OKU ialah Kurikulum Kemahiran Berfungsi (*Functional Skills Curriculum*) yang menekankan kecekapan yang harus dimiliki oleh pelajar OKU iaitu kemahiran kehidupan harian, kemahiran sosial dan kemahiran pekerjaan. Safani et al. (2000) pula berpendapat latihan pelajar OKU perlu mengikut tahap kefungsiannya agar dapat membantu mereka meningkatkan motivasi dan keyakinan sendiri. Chua et al. (1992) bersetuju kejayaan pembelajaran pelajar OKU amat bergantung kepada pelaksanaan kurikulum latihan OKU bersesuaian dengan keperluan masyarakat semasa (Ee et al. 2005; Tinklin et al. 2004; AACTE 2002). Menurut Abdullah et al. (1998), interaksi antara guru, pelajar dan kurikulum akan menghasilkan pemindahan pengetahuan dan kemahiran.

Justeru, Norsham (2005) berpendapat pelajar OKU memerlukan kurikulum alternatif yang menumpukan perhatian kepada pembangunan holistik dan perolehan kemahiran bagi membolehkan golongan OKU menjamin hidup yang berkualiti. Kurikulum perlu dinilai pada tahap pelaksanaan untuk menentukan sama ada hasil dan input proses pengajaran telah dicapai. Kandungan kurikulum perlu dikaji dari semasa ke semasa sama ada memenuhi matlamat jangka panjang pelajar OKU dalam semua domain seperti domain sosial, emosi, kognitif, fizikal dan kerohanian. Domain-domain ini akan menyediakan pelajar menjadi warga yang dapat berfungsi dalam arus globalisasi.

Tan (2006) berpendapat penyediaan kemudahan vokasional dan latihan pekerjaan yang praktikal dan disesuaikan mengikut keperluan dan keupayaan individu dapat melengkapkan golongan OKU dengan kemahiran sosial yang diperlukan dalam persekitaran pekerjaan kelak. Mohd Noor (2002) berpendapat latihan menerusi kursus dan bengkel meningkatkan tahap kemahiran pelajar OKU. Latihan vokasional dapat membantu pelajar mengembangkan

kemahiran, sikap dan tingkah laku mereka (Sands et al. 2000). Secara umumnya pelajar OKU mempunyai kelemahan, pencapaian pendidikan OKU amat rendah dan peningkatan pencapaian pengetahuan dan kemahiran adalah perlahan dan minimum (Ee et al. 2005; Pratt et al. 2002).

Kurikulum vokasional perlu selaras dengan kehendak industri dan pemodenan bagi membentuk kemahiran, sikap kerja, tanggungjawab, kepimpinan dan kebolehan. Pendidikan vokasional perlu menekankan amalan penggabungan pengetahuan teori dan amali. Pengukuhan pendidikan vokasional untuk golongan OKU adalah hakikat yang tidak boleh dinafikan untuk membolehkan negara mempunyai daya saing yang tinggi. Pembangunan guna tenaga peringkat pertengahan adalah sangat kritikal, sama ada kuantiti guna tenaga atau pertambahan kemahiran disusuli kewujudan peluang pekerjaan dan prasarana latihan serta pendidikan yang lebih banyak (Mohd Mydin 2001).

Menurut Shahril et al. (1999), objektif utama pendidikan vokasional ialah membentuk kemahiran, kebolehan, kefahaman, sikap serta tabiat kerja dan tanggungjawab dalam diri pelajar supaya dapat menggunakan pengetahuan dan kemahiran secara berfaedah dan produktif. Berdasarkan objektif berkenaan, Ramlee (2000) berpendapat pendidikan vokasional memainkan peranan penting dalam memperkembangkan kemahiran spesifik untuk mendapat pekerjaan bagi semua pelajar termasuk pelajar OKU. Nor Aishah (1998) menyatakan latihan kemahiran vokasional bukan hanya memberi kemahiran pekerjaan, pengetahuan berkaitan dengan pekerjaan, dan mendorong golongan OKU supaya berfikir secara kreatif mengenai sesuatu industri dan segala peluang kerjaya yang berkaitan dengannya.

Zoyah (1999) berpendapat bahawa masalah pelaksanaan pendidikan vokasional kepada pelajar OKU seperti modul pengajaran yang tidak sesuai dengan kemampuan pelajar OKU, tempoh pengajian yang ditetapkan tidak mencukupi bagi menyediakan pendidikan vokasional yang mantap seperti diperlukan oleh pihak industri semasa, masalah pemilihan kursus bagi pelajar OKU kerana tempat yang terhad, kekurangan tenaga pengajar dan sebagainya.

Ramlee (2000) menyatakan pengujuduan persekitaran yang membantu golongan OKU memperoleh pengalaman pembelajaran dengan mengubahsuai faktor-faktor pembelajaran seperti perancangan pengajaran dan pembelajaran, skop dan kandungan tugasan, prosedur penilaian, bahan-bahan kurikulum, dan sistem pengurusan tingkah laku dapat membantu OKU. Kepelbagaian modul atau kaedah pentaksiran dapat membantu employabiliti golongan OKU.

5. METODOLOGI

Bagi menyempurnakan kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah tinjauan sebagai kaedah kajian. Kaedah tinjauan merupakan satu bentuk yang boleh digunakan untuk mengumpul data atau maklumat bagi tujuan perancangan masa depan atau sebagai panduan untuk menganalisa hubungan antara pembolehubah-pembolehubah. Kaedah tinjauan adalah antara kaedah yang baik digunakan dalam kajian yang bertujuan mencari serta mengumpul maklumat mengenai perasaan, motivasi, perancangan, kepercayaan, personal, pendidikan atau berkenaan sesuatu program (Norasmah 2002).

Kajian ini bertujuan mengkaji persepsi pelajar OKU terhadap peranan tenaga pengajar (TPOKU) dalam persediaan employability golongan OKU. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif yang berorientasikan reka bentuk tinjauan rentasan (*cross-sectional survey design*). Menurut Creswell (2005), reka bentuk tersebut adalah sesuai untuk menjelaskan corak tentang sikap, pendapat, amalan dan tingkah laku manusia dengan memberi tumpuan khusus kepada memahami ciri-ciri populasi.

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian utama untuk mengkaji peranan tenaga pengajar (TPOKU) dalam persediaan employability golongan OKU. Selain itu, kajian ini menggunakan temu bual untuk meneroka peranan tenaga pengajar (TPOKU) dalam employability golongan OKU. Temu bual digunakan untuk menyokong hasil kajian yang diperoleh daripada analisis kuantitatif.

Pelajar OKU juga diambil sebagai sampel kajian bagi tujuan mendapatkan maklumat tambahan. Pemilihan ini dibuat kerana pengkaji berpendapat orang yang terlibat secara langsung dengan TPOKU ialah mereka yang layak untuk menilai peranan TPOKU. Pelajar OKU merupakan sampel terbaik untuk menilai kejayaan sesuatu program pendidikan yang direka untuk kepentingan mereka. Persepsi pelajar OKU boleh diterima kerana mereka merupakan golongan paling hampir dan layak memberi komen terhadap TPOKU. Persepsi pelajar juga telah terbukti kesahihannya kerana hasil dapatan daripada beberapa laporan menunjukkan respon yang positif dan sama. Pelajar OKU mampu memberi maklum balas berguna dan berfaedah untuk pelajar masa depan (Norasmah 2002).

Setelah mengenal pasti populasi pelajar OKU, pemilihan sampel dilakukan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan dengan mengkaji ciri-ciri populasi daripada sampel kajian. Sebelum proses persampelan dapat dilakukan terhadap populasi tersebut, pertimbangan perlu dibuat terlebih dahulu tentang prosedur persampelan yang sesuai digunakan. Tinjauan awal pengkaji ke beberapa buah pusat latihan kemahiran OKU mendapati terdapat beberapa masalah untuk membolehkan pelajar OKU menjawab soal selidik. Berdasarkan hasil tinjauan awal ini, didapati sesi pengumpulan data yang melibatkan pelajar OKU harus dilakukan dengan bantuan pentadbir pusat latihan kemahiran. Pelajar-pelajar OKU yang dipilih mesti mempunyai kemahiran membaca, memahami soalan dan tidak mempunyai kecacatan yang serius. Bagi pelajar yang buta, soal selidik dibacakan dan pengkaji akan menandakan pada soal selidik berdasarkan pilihan pelajar OKU. Manakala bagi pelajar OKU yang pekak pula, pengkaji terpaksa menggunakan bahasa isyarat. Maka, atas justifikasi ini, hanya 245 orang pelajar OKU dipilih untuk kajian ini. Jadual 1 menunjukkan pusat latihan kemahiran OKU dan bilangan sampel pelajar OKU.

Jadual 1 Pusat Latihan Kemahiran OKU dan Bilangan Pelajar OKU.

Bil.	Pusat Latihan Kemahiran	Jumlah
1	Pusat Latihan Perindustrian dan Pemuliharaan, Bangi, Selangor	120
2	Bengkel Seri Sembilan, Mambau, Negeri Sembilan	82
3	Bengkel Pemuliharaan Kebajikan Marang, Terengganu	61
4	Pertubuhan Pemuliharaan Kawasan Negeri Johor (JARO), Johor Bahru, Johor	47

5	Pusat Pemulihan Orang-Orang Kurang Upaya (PROKA), Bachok, Kelantan	60
6	Bengkel Sampul Surat Jayadiri, Batu Pahat, Johor	47
7	Bengkel Seri Perkasa, Johol, Negeri Sembilan	21
8	Bengkel Daya Pemulihan (BEDAYA), Kota Bharu, Kelantan	63
9	Bengkel Daya, Klang, Selangor	56
10	Bengkel Mini Desa, Rembau, Negeri Sembilan	25
11	Bengkel Jayadiri Tunjang, Jitra, Kedah	11
12	Bengkel Sampul Surat Pusat Pemulihan Orang Cacat, Sungai Lembing, Pahang	10
13	Rumah Insaniah, Petaling Jaya, Selangor	25
14	Bengkel Daya Sungai Petani, Kedah	45
15	Bengkel Batu Bertangkup Chuping, Perlis	8
Jumlah		681

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2008)

Populasi kajian ini ialah seramai 681 orang dan berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Kajian oleh Krejcie et al. (1970), pengkaji memerlukan 245 sampel. Hal ini selaras dengan pandangan Ary et al. (1990), bahawa saiz sampel sahaja tidak dapat memastikan ketepatan pemilihan sampel dan apa yang paling diutamakan ialah kemampuan sampel tersebut mewakili populasi yang dikaji.

6. PERSEPSI OKU TENTANG PERANAN TPOKU DALAM MEMBERI PENGETAHUAN UNTUK PERSEDIAAN EMPLOYIBILITI GOLONGAN OKU

Bagi persoalan kajian tentang dari persepsi pelajar OKU tentang peranan TPOKU dalam memberi pengetahuan untuk persediaan employabiliti golongan OKU, analisis data terhadap soal selidik yang telah dijawab, pengkaji mendapati majoriti pelajar OKU menyatakan TPOKU pandai mengajar pengetahuan yang diperlukan. 237 orang (96.8%) bersetuju dengan pernyataan ini di mana 168 orang (68.6%) setuju dan 69 orang (28.2%) sangat setuju, manakala 4 orang (1.6%) kurang setuju, 1 orang (0.4%) tidak setuju dan 3 orang (1.2%) sangat tidak setuju. Analisis juga mendapati bahawa min iaitu 4.22 dan sisihan piawai 0.61 menunjukkan persetujuan yang tinggi oleh pelajar OKU terhadap pernyataan ini.

Pernyataan di atas disokong dengan pernyataan bahawa TPOKU memberi pengalaman baru kepada pelajar OKU. Berdasarkan analisis data terhadap soal selidik yang telah dijawab, 234 orang (95.5%) menyatakan persetujuan terhadap pernyataan ini dengan 161 orang (65.7%) setuju dan 73 orang (29.8%) sangat setuju, sebaliknya 8 orang (3.3%) kurang setuju, 1 orang (0.4%) tidak setuju dan 2 orang (0.8%) sangat tidak setuju. Malah min bagi pernyataan ini menyokong dapatan pernyataan ini (Min=4.23, S.P=0.61). Dapatan ini menunjukkan TPOKU memberi pengalaman baru kepada pelajar OKU.

Selain daripada itu, 235 orang (95.9%) menyatakan bahawa TPOKU membantu pelajar OKU menambah pengetahuan ketika belajar dengan 161 orang (65.7%) setuju dan 74 orang (30.2%) sangat setuju, manakala 5 orang (2.0%) kurang setuju, 2 orang (0.8%) tidak setuju dan 3 orang (1.2%) sangat tidak setuju. Analisis juga mendapati bahawa min iaitu 4.23 dan sisihan piawai 0.64 menunjukkan persetujuan yang tinggi oleh TPOKU terhadap pernyataan ini.

Di samping itu juga, kajian mendapati majoriti pelajar OKU iaitu 233 orang (95.1%) menyatakan bahawa TPOKU tahu tatacara keselamatan di bengkel dengan 157 orang (64.1%) setuju dan 76 orang (31.0%) sangat setuju, manakala 7 orang (2.9%) kurang setuju, 2 orang (0.8%) tidak setuju dan 3 orang (1.2%) sangat tidak setuju. Analisis data ini dengan min iaitu 4.23 dan sisihan piawai iaitu 0.66 menunjukkan bahawa pelajar OKU bersetuju TPOKU tahu tatacara keselamatan di bengkel.

Pernyataan seterusnya ialah TPOKU mengajar pelajar OKU tentang perkara-perkara teknikal. Majoriti pelajar OKU iaitu 235 orang (95.9%) dengan 161 orang (65.7%) setuju dan 74 orang (30.2%) sangat setuju, hanya 7 orang (2.9%) kurang setuju, 1 orang (0.4%) tidak setuju dan 2 orang (0.8%) sangat tidak setuju. Min iaitu 4.24 dan sisihan piawai iaitu 0.60 menunjukkan TPOKU mengajar pelajar OKU tentang perkara-perkara teknikal.

Selain daripada itu, 227 orang (92.7%) bersetuju menyatakan bahawa TPOKU tahu istilah teknologi untuk sesuatu kemahiran dengan 154 orang (62.9%) setuju dan 73 orang (29.8%) sangat setuju, sebaliknya 14 orang (5.7%) kurang setuju, 1 orang (0.4%) tidak setuju dan 3 orang (1.2%) sangat tidak setuju. Maklum balas ini dengan min iaitu 4.20 dan sisihan piawai 0.67 menunjukkan bahawa TPOKU tahu istilah teknologi untuk sesuatu kemahiran.

Pada umumnya, majoriti pelajar OKU berpendapat TPOKU memberi pendedahan yang cukup kepada pelajar OKU ketika belajar. 233 orang (95.1%) menyatakan mereka bersetuju dengan pernyataan ini dengan 143 orang (58.4%) setuju dan 90 orang (36.7%) sangat setuju, sebaliknya 6 orang (2.4%) kurang setuju, 2 orang (0.8%) tidak setuju dan 4 orang (1.6%) sangat tidak setuju. Min iaitu 4.28 dan sisihan piawai iaitu 0.70 menunjukkan TPOKU memberi pendedahan yang cukup kepada pelajar OKU ketika belajar.

Selain daripada itu, 238 orang (97.2%) bersetuju bahawa TPOKU mempunyai ilmu yang tinggi dengan 166 orang (67.8%) setuju dan 72 orang (29.4%) sangat setuju, manakala 3 orang (1.2%) kurang setuju, 3 orang (1.2%) tidak setuju dan 1 orang (0.4%) sangat tidak setuju. Analisis data ini dengan min iaitu 4.24 dan sisihan piawai iaitu 0.58 menunjukkan bahawa TPOKU mempunyai ilmu yang tinggi dalam memberi latihan kepada pelajar OKU.

Maklum balas seterusnya menunjukkan 241 orang (98.3%) menyatakan TPOKU mempunyai kemahiran yang tinggi. 163 orang (66.5%) setuju dan 78 orang (31.8%) sangat setuju, hanya 2 orang (0.8%) kurang setuju, 1 orang (0.4%) tidak setuju dan 1 orang (0.4%) sangat tidak setuju. Malah min bagi pernyataan ini menyokong dapatan pernyataan ini (Min=4.29, S.P=0.54).

Kesimpulannya, TPOKU berperanan memberi pengetahuan dalam persediaan employability golongan OKU.

Jadual 2 Persepsi pelajar OKU tentang peranan TPOKU dalam memberi pengetahuan untuk persediaan employability golongan OKU

Pernyataan	n	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P
Cikgu pandai mengajar pengetahuan yang diperlukan.	245	3	1	4	168	69	4.22	0.61
Cikgu memberi pengalaman baru kepada saya.	245	2	1	8	161	73	4.23	0.61
Cikgu membantu saya menambah pengetahuan ketika belajar.	245	3	2	5	161	74	4.23	0.64
Cikgu menjawab semua soalan yang saya tanya.	245	3	2	7	160	73	4.22	0.65
Cikgu tahu tatacara keselamatan di bengkel.	245	3	2	7	157	76	4.23	0.66
Cikgu mengajar saya tentang perkara-perkara teknikal.	245	2	1	7	161	74	4.24	0.60
Cikgu tahu istilah teknologi untuk sesuatu kemahiran.	245	3	1	14	154	73	4.20	0.67
Cikgu memberi pendedahan yang cukup kepada saya ketika belajar.	245	4	2	6	143	90	4.28	0.70
Cikgu mengajar saya mengikut susunan yang sesuai.	245	1	-	9	162	73	4.25	0.56
Cikgu mempunyai ilmu yang tinggi.	245	1	3	3	166	72	4.24	0.58
Cikgu mempunyai kemahiran yang tinggi.	245	1	1	2	163	78	4.29	0.54

Analisis temu bual menyokong dapatan soal selidik menunjukkan persepsi pelajar OKU tentang peranan TPOKU dalam memberi pengetahuan untuk persediaan employability golongan OKU.

Saya dapat tahu Cikgu pergi belajar buat sampul surat. Cikgu kata pergi tengok bengkel pusat sampul surat di Batu Pahat...macam kita juga. Saya tengok Cikgu latih kamipun lain sikit, ada perubahan...caranya lain sikit (POKU1).

Saya selalu dengar Cikgu pergi kursus. Bila Cikgu balik...Cikgu akan bercerita cara-cara baru semasa mengajar (POKU2).

Analisis temu bual seterusnya mendapati TPOKU mengajar pengetahuan dan pengalaman baru kepada pelajar OKU. Pelajar OKU juga mempunyai persepsi bahawa TPOKU mengajar cara-cara terbaik semasa menjalankan latihan seperti menjaga keselamatan semasa di bengkel.

Saya rasa...Cikgu...bantu kami banyak...boleh buat banyak sampul surat...tambah pengetahuan dan pendapatan. Bengkel kami ada mesin potong kertas, jadi kena hati-hati...selalu Cikgu ingatkan tentang keselamatan...silap-silap boleh terpotong jari tangan. Kita tak boleh main-main kat bengkel, keselamatan nombor satu, elak diri dari kemalangan (POKU1).

Selalunya Cikgu akan bagitau cara-cara untuk menggunakan bengkel. Kitakan ada banyak alat di bengkel, kata Cikgu kena jaga keselamatan, elak diri dari cedera...nanti susah nak belajar (POKU2).

Kesimpulannya, temu bual menunjukkan persepsi positif pelajar OKU tentang peranan TPOKU dalam memberi pengetahuan untuk persediaan employibiliti golongan OKU.

7. PERSEPSI OKU TENTANG PERANAN TPOKU DALAM MEMBERI KEMAHIRAN UNTUK PERSEDIAAN EMPLOYIBILITI GOLONGAN OKU

Bagi persoalan kajian persepsi pelajar OKU tentang peranan TPOKU dalam memberi kemahiran untuk persediaan employibiliti golongan OKU, maklum balas dari analisis data terhadap soal selidik yang telah dijawab, pengkaji mendapati majoriti pelajar OKU menyatakan TPOKU pandai mengajar kemahiran yang diperlukan. 239 orang (97.6%) bersetuju dengan pernyataan ini di mana 147 orang (60.0%) setuju dan 92 orang (37.6%) sangat setuju, manakala 4 orang (1.6%) kurang setuju, 1 orang (0.4%) tidak setuju dan 1 orang (0.4%) sangat tidak setuju. Analisis juga mendapati bahawa min iaitu 4.34 (S.P=0.58) menunjukkan persetujuan yang tinggi oleh pelajar OKU terhadap pernyataan ini.

Seterusnya, kebanyakan pelajar OKU iaitu 237 orang (96.7%) bersetuju bahawa TPOKU seorang yang kreatif dan inovatif di mana 153 orang (62.4%) setuju dan 84 orang (34.3%) sangat setuju, sebaliknya 5 orang (2.0%) kurang setuju, hanya 1 orang (0.4%) tidak setuju dan 2 orang (0.8%) sangat tidak setuju. Malah min bagi pernyataan ini menyokong dapatan pernyataan ini (Min=4.29, S.P=0.61). Dapatan ini menunjukkan bahawa TPOKU seorang yang kreatif dan inovatif.

Bagi pernyataan bahawa TPOKU membantu pelajar OKU menjalani latihan amali atau latihan industri., kebanyakan TPOKU iaitu 238 orang (97.1%) bersetuju dengan pernyataan ini di

mana 160 orang (65.3%) setuju dan 78 orang (31.8%) sangat setuju, manakala 5 orang (2.0%) kurang setuju, hanya 1 orang (0.4%) tidak setuju dan 1 orang (0.4%) sangat tidak setuju. Maklum balas ini dengan min iaitu 4.28 dan sisihan piawai 0.56 menunjukkan persetujuan yang tinggi di kalangan TPOKU mengenai pernyataan ini.

Pada umumnya, majoriti pelajar OKU berpendapat TPOKU mahir menyediakan tugas yang sesuai untuk pelajar OKU. 239 orang (97.5%) menyatakan mereka bersetuju dengan pernyataan ini dengan 152 orang (62.0%) setuju dan 87 orang (35.5%) sangat setuju, sebaliknya 4 orang (1.6%) kurang setuju, hanya 1 orang (0.4%) tidak setuju dan 1 orang (0.4%) sangat tidak setuju. Min iaitu 4.32 dan sisihan piawai iaitu 0.57 menunjukkan TPOKU mahir menyediakan tugas yang sesuai untuk pelajar OKU.

Seterusnya, maklum balas mendapati 238 orang (97.1%) pelajar OKU bersetuju bahawa TPOKU mahir membantu pelajar yang mempunyai masalah di mana 160 orang (65.3%) setuju dan 78 orang (31.8%) sangat setuju, manakala 5 orang (2.0%) kurang setuju, hanya 1 orang (0.4%) tidak setuju dan 1 orang (0.4%) sangat tidak setuju. Malah min bagi pernyataan ini menyokong dapatan pernyataan ini (Min=4.28, S.P=0.56). Dapatan ini menunjukkan bahawa TPOKU mahir membantu pelajar yang mempunyai masalah.

Seterusnya, pelajar OKU bersetuju bahawa TPOKU mahir menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai untuk pelajar OKU. Kebanyakan pelajar OKU iaitu 237 orang (96.8%) bersetuju dengan pernyataan ini dengan 156 orang (63.7%) setuju dan 81 orang (33.1%) sangat setuju, manakala 5 orang (2.0%) kurang setuju, hanya 1 orang (0.4%) tidak setuju dan 2 orang (0.8%) sangat tidak setuju. Analisis data jelas apabila skor min iaitu 4.28 (S.P=0.60) adalah tinggi dan berada antara setuju dengan sangat setuju dengan pernyataan ini bahawa TPOKU mahir menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai untuk pelajar OKU.

Maklum balas seterusnya menunjukkan 240 orang (98.0%) menyatakan TPOKU mahir menarik minat pelajar OKU untuk belajar. 148 orang (60.4%) setuju dan 92 orang (37.6%) sangat setuju, hanya 1 orang (0.4%) kurang setuju, 3 orang (1.2%) tidak setuju dan 1 orang (0.4%) dengan pernyataan ini. Malah min bagi pernyataan ini menyokong dapatan pernyataan ini (Min=4.33, S.P=0.60).

Kesimpulannya TPOKU meningkatkan kemahiran dalam penguasaan pengetahuan, daya kreatif dan inovatif serta pengendalian mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran OKU.

Jadual 3 Persepsi pelajar OKU tentang peranan TPOKU dalam memberi kemahiran untuk persediaan employability golongan OKU

Pernyataan	n	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P
Cikgu pandai mengajar kemahiran yang diperlukan.	245	1	1	4	147	92	4.34	0.58
Cikgu seorang yang kreatif dan inovatif.	245	2	1	5	153	84	4.29	0.61

Cikgu membantu saya menjalani latihan amali/latihan industri.	245	1	1	5	160	78	4.28	0.56
Cikgu mahir menyediakan tugas yang sesuai untuk saya.	245	1	1	4	152	87	4.32	0.57
Cikgu mahir membantu pelajar yang mempunyai masalah.	245	1	1	5	160	78	4.28	0.56
Cikgu mahir menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai untuk saya.	245	2	1	5	156	81	4.28	0.60
Cikgu mahir menarik minat saya untuk belajar.	245	1	3	1	148	92	4.33	0.60

Analisis temu bual menyokong dapatan soal selidik menunjukkan persepsi pelajar OKU tentang peranan TPOKU dalam memberi kemahiran untuk persediaan employibiliti golongan OKU dan pelajar OKU berpendapat TPOKU dapat memberi pengajaran dengan baik.

Cikgu sangat mahir buat kerja sampel surat ni...ajar dengan senang...cukup mahir. Cikgu bagi arahan dengan tegas ...kena ikut arahan Cikgu betul-betul (POKU1).

Cikgu akan mengajar kemahiran yang ada kat sini, macam buat pintu ke, kerja-kerja kayu lah...rekaan baru...bentuk baru. Semua orang kena ikut arahan Cikgu betul-betul (POKU2).

Kesimpulannya, temu bual menunjukkan persepsi positif pelajar OKU tentang peranan TPOKU dalam memberi kemahiran untuk persediaan employibiliti golongan OKU.

8. KESIMPULAN

Kerajaan sedar bahawa golongan OKU tidak mampu bersaing di pasaran kerja terbuka kerana keperluan dan kelayakan diperlukan serta persaingan bagi pekerjaan tertentu. Kerajaan juga menyedari bahawa pada masa yang sama sosio ekonomi, kebajikan dan kepentingan OKU perlu ditingkatkan. Oleh itu, Kementerian Sumber Manusia (2001) telah melancarkan kempen-kempen yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan golongan korporat, badan berkanun dan agensi kerajaan supaya memberi peluang pekerjaan kepada OKU dan mempamerkan kebolehan dan keupayaan OKU dalam pekerjaan. Pada tahun 1990, satu Jawatankuasa Kebangsaan Penggalakan Penggajian OKU di sektor swasta telah ditubuhkan

bagi tujuan melaksanakan kempen dan langkah-langkah bagi menempatkan OKU dalam bidang pekerjaan. Jabatan Buruh dan Jabatan Tenaga Rakyat bekerjasama membuka kaunter pendaftaran OKU dan majikan diminta menemuduga bakal-bakal pekerja OKU. Kerajaan juga memberi insentif dalam bentuk pelepasan cukai kepada majikan yang menggaji OKU.

Menurut Abdul Rahman (2006), di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan, kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar bagi mewujudkan golongan usahawan OKU supaya boleh menjadi majikan kepada golongan OKU sendiri terutama bidang menganyam bakul, menjahit pakaian, kraftangan, membaiki alat elektronik dan sebagainya. Keadaan ini menunjukkan bahawa golongan OKU terlatih dengan pengetahuan dan kemahiran juga berpeluang mendapat pekerjaan dan hidup berdikari seperti anggota masyarakat yang lain.

Kesimpulannya, TPOKU berperanan memberi pengetahuan dan kemahiran dalam persediaan employability golongan OKU. Pelajar-pelajar OKU telah memberi maklum balas yang positif bahawa TPOKU telah menyediakan golongan OKU untuk employability terutama dalam bidang vokasional

RUJUKAN

- AACTE. 2002. *Preparing Teachers to Work With Students With Disabilities: Possibilities and Challenges for Special and General Teacher Education. A White Paper for the American Association of Colleges for Teacher Education*. FOCUS COUNCIL ON SPECIAL EDUCATION. February 2002.
- Abdul Rahman Bakar, Timbalan Menteri Sumber Manusia. *Ucapan Sempena Majlis Perasmian Program Peluang Pekerjaan Untuk Orang Kurang Upaya (OKU) "Jom Kerja; OKU Boleh"*. Kuala Lumpur: Hotel Legend. 29 Jun 2006.
- Abdullah Mohd Noor & Mohd Sahandari Gani Hamzah. 1998. *Budaya Kerja Cemerlang: Satu Analisis Kemahiran Berfikir dan Bertindak di Kalangan Guru Cemerlang. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Institut Teknologi Tun Hussein Onn*: Batu Pahat. Hlm.45-53.
- Ahmad Othman. 1999. *Latihan Vokasional di Malaysia: Harapan dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Majlis Latihan Vokasional Malaysia.
- Chua Tee Tee & Koh Boh Boon. 1992. *Pendidikan Khas dan Pemulihan Bacaan Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Creswell, J.W. 2005. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Daut bin Yusup. 2006. *Pelaksanaan Latihan Vokasional Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup bagi Pelajar Bermasalah Pembelajaran di Program Integrasi Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Draf Akta Orang Kurang Upaya*. 2002. Jawatankuasa Kerja Teknik Perundangan. Majlis Penasihat dan Perundangan bagi Orang Kurang Upaya.
- Ee, Jessie & Soh, Kay-Cheng. 2005. *Teacher Perceptions on What a Functional Curriculum Should Be for Children With Special Needs. The International Journal of Special Education*. Vol. 20, No. 2.

- Faridah Serajul Haq. 2003. Career and Employment Opportunities for Women With Disabilities in Malaysia. *Asia Pacific Disability Rehabilitation Journal*. Vol.14. No.1.
- Fatimah Nor Sidah. 2001. Kajian Terhadap Peluang Pekerjaan dan Sikap Majikan Golongan Kurang Upaya di Sektor Swasta Sekitar Bandaraya Kota Kinabalu. *Latihan Ilmiah*. Fakulti Pendidikan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. 2005. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Jamaluddin Haron. 2002. Pendidikan Vokasional Pelajar Bermasalah Pendengaran: Pelaksanaan dari Persepsi Guru-Guru Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam. *Projek Sarjana Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- MALAYSIA'S VISION 2020 – *Understanding the Concept, Implications and Challenges* (Edited Ahmad Sarji), 1997 (revised), Kelana Jaya, Selangor: Pelanduk Publication.
- Mohd Mydin. 2001. *Pendidikan Vokasional dan Teknikal Untuk Melahirkan Tenaga Kerja Mahir dan Separuh Mahir*. Kertas Kerja Kongres Pendidikan Melayu Pertama: Kuala Lumpur.
- Morse, T.E. 2001. Designing Appropriate Curriculum for Special Education Students in Urban Schools. *Education and Urban Society*. Sage Publications.
- Nor Aishah Buang. 1998. *Seminar ke Arah Hidup Berdikari Sebagai Usahawan: Implikasi Kepada Individu Berkeperluan Khas di Malaysia*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norasmah Othman & Safani Bari. 2005. Perbandingan Ciri-Ciri Keusahawanan Antara Golongan Pelajar Kurang Upaya dan Pelajar Normal, *The 5th. Comparative Education Society of Asia Biennial Conference 2005 (CESA)*. Mei 2005.
- Norsham bt. Harman Shah. 2005. Improvement of Educational Practice and Environment for Student with Intellectual Disabilities – For Active Participation in Society Through Employment – Malaysian Perspective. *The 25th. Asia Pacific International Seminar on Special Education (6-11 November 20005)*: The National Institute of Special Education Japan. November 2005.
- Pratt, C & Stewart, R. 2002. Teaching Students Who Are Low-Functioning: Who Are They and What Should We Teach? *BBB Autism Support Network*. The Indiana Resource Center for Autism.
- Ramlee Mustapha, Norani Mohd. Salleh & Manisah Mohd. Ali. 2004. Beyond Didactics: The Need for Legislature to Upgrade Vocational Special Needs Education and Training in Malaysia. *Prosiding Pendidikan Khas*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rancangan Malaysia Ke Sembilan, 2006-2010*. 2005. *Bab 15 : Memupuk Pembangunan Keluarga Dan Masyarakat*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Safani Bari, Salleh Ahmad & Mohd. Ariff Ismail. 2000. Halangan dan Masalah yang Dihadapi oleh Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas dalam Latihan Kemahiran Teknik dan Vokasional. *Seminar Prosiding Pendidikan Kebangsaan*.
- Sands, D.J, Kosleski, E.B & French N.K. 2000. *Inclusive Education for the 21st. Century*. USA: Wardworth/Thumsam Learning.
- Shamsuddin Barden. 2002. Employment Opportunities for PWDs in Malaysia Private Sector. *Seminar on Employment for Persons with Disabilities*. Ministry of Human Resources Malaysia: Kuala Lumpur 12-13 Mac 2002.

- Tan Liok Ee. 2006. Exploring the Issues of PwIDs in Adulthood – A Report of the Situation of People with Intellectual Disabilities in Penang: *Asia Community Service*. Jun 2006.
- The Conference Board of Canada*. 1996. Yukon Work Futures: Skills For Today's Workplace. Ottawa, Ontario. Canada.
- Tinklin, T., Riddell, S. & Wilson, A. 2004. *Disabled Students in Higher Education*. Economic and Social Research Council: No. 32, April 2004.
- Zoyah Nordin. 1999. Pelaksanaan Vokasional Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam. *Seminar Pendidikan Khas*: Shah Alam.